

Tolak calon beli undi: Abu Hassan

SH - 9 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Semua ahli dan perwakilan Umno Selangor diminta supaya menolak calon yang menggunakan wang bagi mendapatkan undi pada pemilihan parti mulai Rabu ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata, calon yang mengamalkan politik wang perlu ditolak kerana mereka tidak layak memimpin parti.

Katanya, keputusan memilih siapa yang layak untuk menyandang jawatan dalam perhimpunan agung Umno nanti perlu ditentukan oleh perwakilan dan bukan calon yang bertanding.

“Kalau boleh kita nak semua calon yang bertanding merebut jawatan pada pemilihan kali ini menang, tetapi kita mempunyai ramai calon manakala tempatnya pula terhad.

“Oleh itu, perwakilan harus membuat penilaian dalam semua aspek untuk menentukan calon yang layak menyandang sesuatu jawatan itu,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Institut FTMS-ICL dan Kolej INPENS Yayasan Selangor, di sini hari ini. Hadir sama, Pengerusi FTMS-ICL, Datuk Ahmad Abdullah.

Semalam, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan bahawa kempen politik wang bagi membeli undi menjelang pemilihan di Perhimpunan Agung Umno masih berlaku di negeri-negeri.

Dr Mahathir berkata, kegiatan itu masih berlaku walaupun kegiatan kempen berkurangan setelah pelbagai usaha dilakukan untuk membanteras kegiatan tidak sihat yang menjerus kepada politik wang.

Antara langkah yang dilakukan ialah meminta perwakilan, **terutama** yang dikenali sebagai ‘G7’ yang dipilih ke perhimpunan agung partidan berkeliaran di ibu negara bagi menemui serta meminta sesuatu daripada calon, supaya pulan ke negeri masing-masing.

‘G7’ merujuk kepada tujuh daripada 12 perwakilan yang dipilih setiap bahagian Umno untuk menghadiri perhimpunan agung parti itu. Lima yang lain ialah, Ketua, Timbalan dan Naib Ketua Bahagian serta Ketua Pemuda dan Wanita, menjadi perwakilan secara automatik.

Abu Hassan berkata, walaupun pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung kegiatan politik wang, kerjasama semua ahli dan perwakilan diperlukan untuk membendung perkara itu.